

Latihan Menyusun Karangan 2

Susun perenggan A hingga E mengikut urutan yang betul untuk menghasilkan karangan yang lengkap.

Tajuk: Cara-cara Menghormati Guru

A. Guru ialah insan yang banyak berjasa kepada kita. Tanpa guru, kita tidak akan pandai membaca, menulis dan mengira. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menghormati guru.

B. Selain itu, kita hendaklah mendengar nasihat guru. Guru sentiasa memberi tunjuk ajar supaya kita menjadi murid yang baik. Jika kita mengikut nasihat guru, sudah tentu kita berjaya dalam pelajaran.

C. Kesimpulannya, sebagai murid kita mestilah menghormati guru sepanjang masa. Guru yang dihormati akan lebih ikhlas mendidik kita. Jika kita menghargai guru, sudah tentu hidup kita akan diberkati.

D. Pertama, kita mesti memberi salam apabila berjumpa dengan guru. Memberi salam tanda kita hormat kepada guru. Selain itu, kita juga perlu mengucapkan terima kasih setiap kali guru membantu kita.

E. Seterusnya, kita perlu berdisiplin semasa berada di dalam kelas. Kita tidak boleh membuat bising atau mengganggu kawan ketika guru sedang mengajar. Dengan cara ini, guru akan lebih selesa untuk menyampaikan ilmu.

PENDAHULUAN	ISI 1	ISI 2	ISI 3	PENUTUP